

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kedudukan lif di rumah pangsa dan PPR yang di senggara oleh DBKL yang dilaporkan sering mengalami kerosakan dan gangguan operasi serta bilangan yang diganti baru dan dibaik pulih.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, secara keseluruhannya, Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) & Rumah Jual (masih di bawah seliaan DBKL) yang melibatkan 49 kawasan mempunyai 528 unit lif dan pecahannya adalah seperti berikut:-

Bil.	Jenis Perumahan	Bil Kawasan	Bil Lif (unit)
1	Perumahan Awam (PA)	13	142
2	Projek Perumahan Rakyat (PPR)	31	337
3	Rumah Jual	5	49
Jumlah		49	528

Untuk makluman, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melaksanakan Program Penggantian/ Naiktaraf Sistem Lif di PA dan PPR secara berterusan. Antara salah satu faktor yang diambil kira dalam program penggantian/ naiktaraf ini adalah melihat kepada usia lif sedia ada iaitu bagi lif-lif yang berusia 15 tahun ke atas, maka pengesyoran terhadap penggantian keseluruhan sistem lif akan dibuat. Seterusnya, lif-lif yang berusia diantara 10 tahun hingga 15 tahun, pengesyoran terhadap naiktaraf sebahagian sistem lif akan dibuat walaubagaimanapun bergantung kepada keadaan lif semasa.

Pada tahun 2017, DBKL telah membelanjakan sekitar RM26.2 juta melalui Bajet Pembangunan DBKL bagi tujuan Penggantian Keseluruhan Sistem Lif melibatkan 60 unit lif dan perincian adalah seperti berikut:-

Jadual 1: Senarai penggantian lif tahun 2017

Bil	Parlimen	Kawasan	Bil. Blok	Bil. Lif (unit)	Kos (RM)
1	Lembah	PPR Kg Limau	2	6	2,310,000.00
2	Pantai	PPR Pantai Ria	4	12	5,200,000.00
3	Cheras	PPR Pudu Ulu	3	9	3,900,000.00
4	Batu	PA Seri Kelantan	3	6	2,740,000.00
5		PPR Intan Baiduri	6	18	8,220,000.00
6		PPR Taman Wahyu	3	9	3,900,000.00
Jumlah				60	26,270,000.00

Pada tahun 2018, DBKL telah membelanjakan sekitar RM45.2 juta melalui Bajet Pembangunan DBKL bagi tujuan Penggantian Keseluruhan Sistem Lif melibatkan 95 unit lif dan perincian adalah seperti berikut:-

Jadual 2: Senarai penggantian lif tahun 2018

Bil	Parlimen	Kawasan	Bil. Blok	Bil. Lif (unit)	Kos (RM)
1	Wangsa Maju	PPR Gombak Setia	3	6	2,740,000.00
2	Bdr. Tun	PPR Taman Mulia	2	6	2,680,000.00
3	Razak	PPR Raya Permai	2	6	2,880,000.00
4	Lembah	PPR Seri Pantai	2	8	3,580,000.00
5	Pantai	PA Seri Pahang	3	6	3,460,000.00
6	Batu	PPR Pekan Batu	2	6	3,720,000.00
7		PPR Beringin	6	18	6,920,000.00
8	Setiawangsa	PPR Air Panas	8	24	10,740,000.00
9	Titiwangsa	PPR Jelatek	2	6	3,733,000.00
10		PPR Hiliran Ampang	3	9	4,751,200.00
Jumlah				95	45,204,200.00

Pada tahun 2019, DBKL telah membelanjakan sekitar RM18.7 juta melalui Bajet Pembangunan DBKL bagi tujuan Naiktaraf Sistem Lif melibatkan 41 unit lif dan perincian adalah seperti berikut:-

Jadual 3: Senarai naiktaraf lif tahun 2019

Bil	Parlimen	Kawasan	Bil. Blok	Bil. Lif (unit)	Kos (RM)
1	Setiawangsa	PA Desa Rejang	12	38	19,960,000.00
2	Lembah Pantai	Putra Ria	3	3	1,791,470.00
Jumlah				41	18,751,470.00

Pada tahun 2020, DBKL melalui Bajet Pembangunan dalam pelaksanaan menjalankan Penggantian Keseluruhan Sistem Lif melibatkan 51 unit lif dengan anggaran kos RM28.5 juta dan juga Naiktaraf Sistem Lif melibatkan 53 unit lif dengan anggaran kos RM20.9 juta. Perincian adalah seperti berikut:-

Jadual 4: Senarai penggantian lif tahun 2020

Bil	Parlimen	Kawasan	Bil. Blok	Bil. Lif (unit)	Anggaran Kos (RM)
1	Lembah Pantai	PPR Seri Anggerik	1	3	1,800,000.00
2	Setiawangsa	PPR Sg Bonus	2	6	3,167,980.00
3	Seputeh	PPR Salak Selatan	2	6	3,088,000.00
4	Bdr. Tun Razak	PA Seri Kota	6	12	6,934,000.00
5		PA Seri Sabah 3A	4	8	4,616,000.00
6		PA Seri Sabah 3B	5	10	5,770,000.00
7		PPR Desa Petaling	2	6	3,106,600.00
Jumlah				51	28,482,580.00

Jadual 5: Senarai naiktaraf lif tahun 2020

Bil	Parlimen	Kawasan	Bil. Blok	Bil. Lif (unit)	Anggaran Kos (RM)
1	Cheras	PA Seri Selangor	6	12	4,800,000.00
2	Bukit Bintang	PA Hang Tuah	2	6	2,420,800.00
3		PA Loke Yew	5	11	4,400,000.00
4	Seputeh	PPR Bukit Jalil 1	2	6	2,113,800.00
5		PPR Bukit Jalil 2	6	18	7,200,000.00
Jumlah				53	20,934,600.00

Seterusnya, DBKL akan sentiasa memantau operasi lif di seluruh Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) DBKL secara amnya dan pihak DBKL juga tidak boleh menolak kemungkinan terhadap berlakunya aduan dan kerosakan terhadap peralatan lif di kawasan ini. Walau bagaimanapun, tindakan segera akan diambil bagi aduan-aduan kerosakan lif yang diterima.

Sekian, terima kasih.